

04/10/1997

Pelabur Argentina dipelawa ke Malaysia

Mustapa Omar in Buenos Aires

BUENOS AIRES, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempelawa usahawan dan pelabur Argentina menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran barangan keluaran mereka untuk pasaran di negara-negara Asean.

Selain itu, syarikat dari negara Amerika Latin itu juga boleh mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan untuk menyertai pelbagai projek di negara ketiga.

Di Malaysia, pasaran Asean yang berkembang pesat dapat menjamin pulangan yang menggalakkan kepada pelabur.

"Malaysia boleh menjadi tapak yang sesuai bagi usahawan Argentina untuk menempatkan operasi mereka bagi merebut peluang yang terbuka luas berikutan perkembangan pesat pasaran Asean.

"Kami mengamalkan pendekatan properniagaan dalam dasar pembangunan dan kami mempunyai garis panduan yang telus serta jelas untuk kemudahan pelaburan.

"Selain dasar pelaburan yang liberal, Malaysia juga menawarkan insentif cukai yang menarik kepada pelabur asing," katanya ketika melancarkan bersama Persidangan Pengeksporth Argentina bagi Negara Asean, di sini pagi ini. Turut melancarkan persidangan itu ialah Presiden Carlos Menem.

Argentina adalah rakan dagang keempat terbesar Asean di Amerika Latin selain Brazil, Mexico dan Chile dengan nilai perdagangan mencapai AS\$800 juta (RM2.4 bilion) pada tahun lalu.

Sejak lima tahun lalu, perdagangan antara Malaysia dan Argentina menunjukkan peningkatan purata 28.3 peratus daripada AS\$101 juta (RM303 juta) pada 1991 kepada AS\$351 juta (RM1.05 bilion) pada 1996.

Dr Mahathir berkata, persidangan itu diadakan tepat pada masanya kerana usahawan Argentina kini menunjukkan minat untuk berniaga dengan Asia, khususnya Asean.

Menurutnya, pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2003 dan Kawasan Pelaburan Asean, akan menggalakkan lagi perkembangan ekonomi serantau, selain memberi peluang lebih luas kepada pelabur asing.

"Kami di Asean juga menyedari aspirasi Pasaran Bersama Selatan (Mercosur) yang akan menjadi Kawasan Perdagangan Bebas pada tahun 2000 dan pelbagai peluang yang dapat disertai di rantau ini.

"Kami yakin pelaksanaan rancangan itu akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negara-negara anggota dan membolehkannya melaksanakan pendekatan terbuka untuk berniaga dengan negara di Mercosur," katanya.

Mengenai hubungan dagang Malaysia-Argentina, Dr Mahathir berkata, perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara mempunyai peluang cerah untuk berkembang dan sudah tiba masanya ia ditingkatkan, bukan sekadar di peringkat dua hala, malah serantau dan global.

"Saya percaya Malaysia mampu menyediakan kemudahan terbaik kepada Argentina untuk menjalankan perniagaan, bukan saja dengan Malaysia, malah negara Asean lain," katanya.

(END)